Student

EcoNexus UMPSA bawa agenda kelestarian dan kepimpinan mahasiswa ke pentas RECONSA 2026

Mon, 09/28/2026 - 11:22

SERI ISKANDAR, 13 September 2026 – Badan Pelajar EcoNexus Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) membawa agenda kelestarian dan kepimpinan mahasiswa ke peringkat antarabangsa menerusi penyertaan dalam 10th *Regional Conference on Student Activism* (RECONSA) 2026, sebuah persidangan mahasiswa bertaraf antarabangsa yang berlangsung di Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), Perak dari 11 hingga 13 September 2026.

Program itu menghimpunkan mahasiswa dan pemimpin muda dari Malaysia, Thailand, Vietnam dan Indonesia dalam platform pertukaran idea, perkongsian pengalaman serta pengembangan jaringan kepimpinan mahasiswa di peringkat antarabangsa.

Penyertaan ini menjadi platform bagi EcoNexus UMPSA untuk mengetengahkan inisiatif kelestarian yang telah dilaksanakan di peringkat universiti, di samping berkongsi pengalaman dan pendekatan mahasiswa dalam menggerakkan aktivisme serta usaha kelestarian yang memberi manfaat kepada komuniti.

Persidangan antarabangsa tersebut turut menyediakan ruang kepada peserta untuk bertukar idea, pengalaman dan pandangan berkaitan kepimpinan mahasiswa, aktivisme serta kesukarelawanan, sekali gus memperluas perspektif melalui interaksi bersama mahasiswa daripada pelbagai institusi dan negara.

Dalam usaha membawa pengalaman dan inisiatif kelestarian tersebut ke peringkat serantau, EcoNexus UMPSA turut mengetengahkan perkongsian menerusi pembentangan proposal dan poster pada persidangan berkenaan.

Pembentangan ini memberi ruang untuk memperkenalkan usaha kelestarian yang telah dilaksanakan, berkongsi pengalaman serta pendekatan dalam menggalakkan penglibatan mahasiswa terhadap agenda kelestarian, di samping membuka peluang kepada peserta untuk bertukar pandangan dan memperoleh perspektif baharu daripada mahasiswa yang mempunyai pengalaman dalam aktivisme serta kelestarian di institusi masing-masing.

Sepanjang RECONSA 2026, peserta turut terlibat dalam pelbagai pengisian seperti *Sustainable Forum and Talk*, Malaysian *Cultural Art Workshop, Pitching* Seminar dan *Traditional Sports Competition* yang merangkumi perkongsian ilmu, pengembangan kemahiran, interaksi antara peserta serta pendedahan kepada kepelbagaian budaya.

Pengisian Malaysia Culture Exchange pula memberi peluang kepada peserta untuk memperkenalkan budaya dan identiti Malaysia, selain mengenali kepelbagaian budaya yang dibawa oleh peserta dari negara lain.

Pertukaran tersebut turut menggalakkan interaksi dan persefahaman dalam kalangan mahasiswa yang hadir daripada latar belakang serta negara yang berbeza.

Kemuncak penglibatan di pentas RECONSA 2026 dicapai apabila Nur Aina Liyana Hairull Amali, wakil EcoNexus UMPSA, dinobatkan sebagai *Best Delegates Female Category* RECONSA 2026, hasil keterlibatan aktif dalam pelbagai pengisian sepanjang persidangan yang merangkumi sesi perkongsian, pembentangan dan interaksi bersama peserta dari pelbagai negara.

Pencapaian tersebut memperlihatkan penglibatan aktif wakil EcoNexus UMPSA dalam membawa idea dan pengalaman mahasiswa ke ruang perkongsian antarabangsa, selain membina jaringan serta menyumbang kepada interaksi dan pertukaran perspektif sepanjang persidangan.

Penglibatan di RECONSA 2026 turut memberikan pengalaman bermakna kepada mahasiswa UMPSA untuk membawa inisiatif dan pengalaman kelestarian yang telah dilaksanakan di universiti ke platform serantau, selain memperkukuh kemahiran komunikasi, kepimpinan dan penyampaian idea dalam persekitaran antarabangsa.

Pada masa yang sama, jaringan yang terbina sepanjang persidangan membuka ruang kepada EcoNexus UMPSA untuk berkongsi amalan dan pengalaman bersama mahasiswa dari negara lain, di samping meneroka peluang perkongsian serta kerjasama baharu dalam bidang kelestarian, kepimpinan dan aktivisme mahasiswa.

Pengalaman tersebut mencerminkan usaha berterusan EcoNexus UMPSA dalam memperkasakan mahasiswa sebagai penggerak kelestarian, bukan sahaja melalui pelaksanaan inisiatif di peringkat universiti, malah dengan membawa idea, pengalaman dan hasil usaha tersebut ke ruang perkongsian yang lebih luas di peringkat serantau.

Oleh: Nur Aina Liyana Hairull Amali, EcoNexus UMPSA

- 46 views

View PDF